

Penyelidik UMS temui empat tumbuhan, 11 spesies siput baharu

NST 21.8.2018 4

OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) terus giat menjalankan penyelidikan terhadap kepelbagaian sumber khazanah alam semula jadi di negara ini.

Terbaru para penyelidik IBTP menemukan empat jenis tumbuhan dan 11 spesies siput baharu.

Pemangku Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman berkata, empat jenis tumbuhan ditemui di negeri ini, manakala 11 spesies siput ditemui di Semenanjung Malaysia.

“Dua jenis tumbuhan baharu itu ditemui sewaktu saya mengetuai satu kajian botanikal di Pusat Konservasi Maliau Basin Sabah bersama dua rakan penyelidik iaitu Dr. Kenji Suetsugu dari Department of Biology, Graduate School of Science, Kobe University, Jepun dan Dr. Hirokazu Tsukaya dari Department of Biological Sciences, Graduate School of Science, The University of Tokyo, Jepun.


“Tumbuhan baharu yang pertama dina-

makan sebagai *Thismia bryndonii*, sejenis tumbuhan saprofit. Manakala tumbuhan yang satu lagi merupakan varieti baharu bunga orkid yang diberi nama *Didymoplexis obreniformis* var. *maliauensis*, bersempena nama kawasan ia ditemui iaitu di Maliau Basin,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Dr. Monica berkata, dua lagi penemuan baharu diperolehi melalui kajian yang dilaksanakan oleh Prof. Madya Dr. Kartini Saibeh bersama Taman-Taman Sabah di Taman Bukit Tawau.

“Pensyarah IBTP yang kini dipinjamkan di Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan bersama dua orang Felo Penyelidik Bersekutu IBTP iaitu Peter C. Boyce dari Ludwig-Maximilians-Universität München, Germany dan Prof. Madya Dr. Wong Sin Yeng dari Fakulti Sumber Sains dan Teknologi Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), menemui dua spesies baharu keladi yang masing-masing diberi nama *Schismatoglottis saafiei* dan *Schismatoglottis zainuddinii*,” katanya.

Sementara itu, Dr. Monica turut memaklumkan bahawa 11 jenis siput daratan yang



ditemui di Semenanjung Malaysia dikenalpasti sebagai spesies baharu oleh seorang lagi penyelidik IBTP, Dr. Liew Thor Seng bersama Foon Junn Kitt iaitu salah seorang pelajar pascasiswazah IBTP.

“Kesemua spesies baharu siput ini dikenali sebagai *Alycaeus selangoriensis*, *Alycaeus costacrassa*, *Alycaeus ikanensis*, *Alycaeus alticola*, *Alycaeus charasensis*, *Alycaeus kurauensis*, *Alycaeus regalis*, *Alycaeus vir-*

gogravida, *Alycaeus senyumensis*, *Alycaeus expansus* dan *Alycaeus clementsii*,” katanya.

Katanya lagi, penemuan baharu itu menjadikan sejumlah 28 spesies siput *Alycaeus* berjaya dikenalpasti di Semenanjung Malaysia.

Semua penerbitan santifik mengenai penemuan tersebut boleh didapati dalam Jurnal *Acta Phytotax*.



GAMBAR atas: Prof. Madya Dr. Monica sementara gambar bawah *Thismia bryndonii*, tumbuhan baharu yang ditemui di Maliau Basin.